

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8 January 2016

Seperti baru semalam ayahanda bersama keluarga – Najib

um - 8/1/2016

KUALA LUMPUR 7 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kenangan beliau bersama ayahandanya masih segar di ingatan walaupun telah lama pergi menghadap Ilahi.

Perdana Menteri memberikan reaksi sedemikian selepas ditemuramah untuk rancangan khas televisyen sempena 40 tahun pemergian Perdana Menteri kedua negara, Tun Abdul Razak Hussein.

“Ditemuramah untuk rancangan khas televisyen sempena 40 tahun permergi ayahanda saya Allahyarham Tun Razak yang akan disiarkan pada 14 Januari nanti.

“Meskipun dah banyak tahun berlalu, kenangan saya dengan ayahanda seperti baru semalam beliau masih bersama keluarga. Semoga roh Ayahanda dicucuri rahmat. Al- Fatihah,” kata beliau dalam laman sosial Facebook be-

liau hari ini.

Allahyarham Tun Abdul Razak yang dikenali sebagai Bapa Pembangunan meninggal dunia pada 1976. Allahyarham berkhidmat sebagai Perdana Menteri Malaysia kedua dari 1970 hingga 1976.

Allahyarham banyak membantu Malaysia dari segi ekonomi, pembangunan luar bandar, hubungan antarabangsa, pendidikan dan perpaduan rakyat.



GAMBAR
Kenangan keluarga Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan berdiri di belakang, kiri ialah Najib Tun Razak. Turut kelihatan Ibu kepada Perdana Menteri, Tun Rahah Mohammad Noah.